



**KEPIMPINAN TRANSFORMASIONAL
GURU PENOLONG KANAN KOKURIKULUM
DAN HUBUNGANNYA DENGAN PENGLIBATAN
KOKURIKULUM MURID SEKOLAH KOMUNITI
ORANG ASLI DI PAHANG**



SYAIFUL NIZAM BIN MUSTAFFA

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2026



**KEPIMPINAN TRANSFORMASIONAL GURU PENOLONG KANAN KOKURIKULUM
DAN HUBUNGANNYA DENGAN PENGLIBATAN KOKURIKULUM MURID
SEKOLAH KOMUNITI ORANG ASLI DI PAHANG**

SYAIFUL NIZAM BIN MUSTAFFA

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PENGURUSAN PENDIDIKAN)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2026

**Sila tanda (/)**

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

/

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH**PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Perakuan ini telah dibuat pada 10 (hari bulan) MAC (bulan) 2026

i. Perakuan pelajar :

Saya, SYAIFUL NIZAM BIN MUSTAFFA, M20211000188, FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk KEPIMPINAN TRANSFORMASIONAL GURU PENOLONG KANAN KOKURIKULUM DAN HUBUNGANNYA DENGAN PENGLIBATAN KOKURIKULUM MURID SEKOLAH KOMUNITI ORANG ASLI DI PAHANG

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, PROF. MADYA DR MAHALIZA BINTI MANSOR (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk KEPIMPINAN TRANSFORMASIONAL GURU PENOLONG KANAN KOKURIKULUM DAN HUBUNGANNYA DENGAN PENGLIBATAN KOKURIKULUM MURID SEKOLAH KOMUNITI ORANG ASLI DI PAHANG (TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah SARJANA PENDIDIKAN (PENGURUSAN PENDIDIKAN) (SILA NYATAKAN NAMA IJAZAH)

10 MAC 2026

Tarikh

Tandatangan Penyelia



UPSI/IPS-03/BO31

Pind:02 m/s: 1/1



INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH / INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES

BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK

DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM

Tajuk / Title: KEPIMPINAN TRANSFORMASIONAL GURU PENOLONG KANAN KOKURIKULUM DAN HUBUNGANNYA DENGAN PENGLIBATAN KOKURIKULUM MURID SEKOLAH KOMUNITI ORANG ASLI DI PAHANG

No. Matrik / : M20211000188

Matric's No :

Saya / I am : SYAIFUL NIZAM BIN MUSTAFFA

(Nama Pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana) ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut: -
acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows: -

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik Universiti Pendidikan Sultan Idris.
The Thesis/Dissertation/Project Paper is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris.
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat Salinan untuk tujuan rujukan dan pendidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and education.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat Salinan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The library has the right to make copies of the thesis/Dissertation/Project Paper for academic exchange.
4. Sila tandakan (/) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (/) for category below:-

☒	AKSES TERBUKA OPEN ACCESS	Saya bersetuju bahawa Tesis/Disertasi/Kertas Projek boleh diterbitkan sebagai salinan fizikal atau akses terbuka dalam talian. <i>I agree that the Thesis/Dissertation/Project Paper may be published as a physical copy or open access online.</i>
☐	*TERHAD *LIMITED	Mengandungi maklumat terhad seperti yang dinyatakan oleh organisasi/institusi di mana penyelidikan dijalankan. (Perpustakaan akan menyekat akses sehingga ____ tahun). <i>Contains restricted information as specified by the organization/institution where the research was conducted. (Library will restrict access until ____ years).</i>
☐	*SULIT *CONFIDENTIAL	Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972. <i>Contains confidential information under the Official Secrets Act 1972.</i>
☐	EMBARGO	Tesis/Disertasi/Kertas Projek ini tertakluk kepada tempoh embargo selama 2 tahun atas sebab-sebab berikut: <i>This Thesis/Dissertation/Project Paper is subject to an embargo period of 2 years for the following reasons:</i>

*Nota / *Notes:

- i. Jika tiada pilihan yang ditandai, pilihan pertama akan dilaksanakan secara automatik.
If no option is marked, the first option will be automatically implemented.
- ii. Jika Tesis/Disertasi/Kertas Projek ini dikategorikan sebagai **SULIT** atau **TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi yang berkaitan dengan menyatakan alasan dan tempoh tesis ini perlu diklasifikasikan sebagai **TERHAD** atau **SULIT**. *If the Thesis/Dissertation/Project Paper is categorized as CONFIDENTIAL or LIMITED, kindly attach a letter from the relevant authority/organization stating the reason and duration for the thesis should be classified as LIMITED or CONFIDENTIAL*

(Tandatangan Pelajar/Signature)

Tarikh: 10 Mac 2026

(Tandatangan Penyelia/Signature of Supervisor)
& (Nama & Cap Rasmi/Name & Official Stamp)

Tarikh: 10 Mac 2026



PENGHARGAAN

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah S.W.T kerana atas izin-Nya serta berkat junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W maka dapatlah penyelidikan ini disiapkan dengan jayanya setelah mengharungi pelbagai suka dan duka, cabaran dan rintangan. Pada kesempatan ini, jutaan terima kasih diucapkan kepada Profesor Madya Dr Mahaliza Mansor selaku penyelia atas nasihat dan bimbingan yang diberikan sepanjang proses menyiapkan penyelidikan ini. Tidak lupa juga kepada Allahyarham Profesor Madya Dr Jamal@ Nordin Yunus yang turut menjadi tempat rujukan bagi penambahbaikan penyelidikan ini. Semoga Allahyarham ditempatkan bersama dengan golongan yang soleh dan beriman. Seterusnya, kepada semua ahli-ahli akademik yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung seperti panel pembentangan, pakar kesahan instrumen, pegawai di kementerian pendidikan, pensyarah di Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), Fakulti Pembangunan Manusia (FPM), Fakulti Sains Sukan dan Kejurulatihan (FSSK), Institut Perguruan Tengku Ampuan Afzan (IPTAA), pegawai pendidikan di Jabatan Pendidikan Negeri Pahang (JPNP), Pejabat Pendidikan Daerah, sekolah yang terlibat dan rakan-rakan yang membantu memudahkan proses melengkapkan kajian ini. Ingatan dan ucapan tulus ikhlas juga diucapkan kepada ibu bapa iaitu Mustaffa bin Daud dan Sarimah binti Ahmad yang selalu menitipkan doa untuk kejayaan dalam kehidupan di dunia dan akhirat. Begitu juga buat permata hati untuk isteri tercinta Nur Kadariah binti Mansor dan anak-anak iaitu Syafi Nur Balqis, Syaiful Aryan Irsyad dan Syafi Nur Aulia yang banyak berkorban masa, bersabar serta memberi sokongan sepanjang tempoh pengajian ini dan diharapkan menjadi asbab kalian dirahmati dan mendapat sebaik-baik balasan daripada tuhan sekalian alam. Akhir kata, semoga hasil penyelidikan ini mampu menjadi rujukan dan panduan kepada penyelidik lain untuk menambahkan pengetahuan dan memanfaatkan ruang-ruang ilmu yang ada bagi kelangsungan penyelidikan di negara ini.





ABSTRAK

Kajian yang dijalankan ini bertujuan untuk mengkaji Kepimpinan Transformasional GPK Kokurikulum dan hubungannya dengan penglibatan kokurikulum murid sekolah komuniti orang Asli di Pahang. Kajian ini juga bertujuan mengkaji perbezaan penglibatan kokurikulum murid Asli sekolah luar bandar dengan pedalaman dan pengaruh kepimpinan transformasional GPK Kokurikulum terhadap penglibatan kokurikulum murid sekolah komuniti orang Asli di Pahang. Pendekatan yang digunakan untuk mengkaji pemboleh ubah dalam kajian ini adalah berbentuk kuantitatif. Seramai 386 orang guru dari 25 buah sekolah orang Asli di Pahang terlibat dalam kajian ini. Instrumen kajian diambil daripada kajian lepas dan disesuaikan mengikut kajian ini dan disahkan oleh 5 orang pakar kesahan. Data dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science (SPSS)* Versi 27.0 serta dianalisis melalui statistik deskriptif dan inferens. Skor alfa Cronbach bagi kepimpinan transformasional GPK Kokurikulum ialah .973 manakala .985 adalah bagi penglibatan kokurikulum murid. Dapatan kajian menunjukkan kepimpinan transformasional GPK Kokurikulum dan penglibatan kokurikulum murid Asli masing-masing berada pada tahap tinggi ($\text{min}=4.36$, $\text{SP}=0.51$) dan ($\text{min}=4.52$, $\text{SP}=0.44$). Nilai analisis Sig.(2-tailed) = 0.445 menunjukkan tidak terdapat perbezaan antara penglibatan kokurikulum murid Asli berdasarkan sekolah Asli luar bandar dengan pedalaman. Manakala, nilai $r = .660^{**}$ ($n = 386$, $p = .001$, $p < .05$) menunjukkan hubungan yang positif bagi kedua-dua pemboleh ubah yang dikaji. Analisis regresi menunjukkan wujud pengaruh kepimpinan transformasional GPK Kokurikulum terhadap penglibatan kokurikulum murid ($p = .001$, $p < 0.05$) dan disokong melalui dapatan $r\text{-square}$.436 atau 43.6 peratus. Kesimpulannya, objektif dan persoalan kajian dalam kajian ini telah dapat dijelaskan dan membuktikan bahawa kepimpinan transformasional mampu menyumbang kepada penglibatan kokurikulum murid Asli di Pahang sekaligus memberikan indikator yang jelas kepada pelbagai pihak khususnya Kementerian Pendidikan Malaysia untuk mengukuhkan tampuk kepimpinan sekolah dalam menentukan hala tuju sekolah komuniti orang Asli di Malaysia.





TRANSFORMATIONAL LEADERSHIP OF CO-CURRICULAR SENIOR ASSISTANT AND ITS RELATIONSHIP WITH THE CO-CURRICULAR INVOLVEMENT OF INDIGENOUS COMMUNITY SCHOOL STUDENTS IN PAHANG

ABSTRACT

This study aims to examine the transformational leadership of the Senior Assistant for Co-curriculum and its relationship with co-curricular involvement among students of Orang Asli community schools in Pahang. The study also seeks to examine differences in co-curricular involvement between Orang Asli students in rural schools and those in remote interior schools, as well as the influence of the transformational leadership of the Senior Assistant for Co-curriculum on students' co-curricular involvement in Orang Asli community schools in Pahang. A quantitative approach was employed to examine the variables in this study. A total of 386 teachers from 25 Orang Asli schools in Pahang participated in this study. The research instruments were adapted from previous studies, modified to suit the context of this study, and validated by five content experts. Data were analysed using the Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) Version 27.0 through descriptive and inferential statistical analyses. The Cronbach's alpha values for transformational leadership of the Senior Assistant for Co-curriculum and students' co-curricular involvement were .973 and .985, respectively. The findings indicate that the levels of transformational leadership of the Senior Assistant for Co-curriculum and Orang Asli students' co-curricular involvement were both high ($M = 4.36$, $SD = 0.51$) and ($M = 4.52$, $SD = 0.44$), respectively. The Sig. (2-tailed) value of 0.445 indicates that there was no significant difference in Orang Asli students' co-curricular involvement between rural and remote interior schools. Meanwhile, the correlation analysis revealed a positive and significant relationship between the two variables ($r = .660^{**}$, $n = 386$, $p = .001$, $p < .05$). Regression analysis further showed that transformational leadership of the Senior Assistant for Co-curriculum had a significant influence on students' co-curricular involvement ($p = .001$, $p < .05$), supported by an r -square value of .436, indicating that 43.6 per cent of the variance in students' co-curricular involvement was explained by the model. In conclusion, the objectives and research questions of this study were addressed, and the findings provide empirical evidence that transformational leadership contributes significantly to the co-curricular involvement of Orang Asli students in Pahang. These findings offer clear indicators for various stakeholders, particularly the Ministry of Education Malaysia, in strengthening school leadership to determine the future direction of Orang Asli community schools in Malaysia.





KANDUNGAN

Muka surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	iii
BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN	iv
PENGHARGAAN	v
ABSTRAK	vi
ABSTRACT	vii
KANDUNGAN	viii
SENARAI JADUAL	xiv
SENARAI RAJAH	xvi
SENARAI SINGKATAN	xvii
SENARAI LAMPIRAN	xviii
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar belakang kajian	5
1.3 Pernyataan masalah	10
1.4 Tujuan kajian	18
1.5 Objektif kajian	18
1.6 Persoalan kajian	19
1.7 Hipotesis kajian	20



1.8	Kerangka teoritikal kajian	20
1.9	Kerangka konseptual kajian	21
1.10	Kepentingan kajian	22
1.10.1	Pihak sekolah	23
1.10.2	Kementerian Pendidikan Malaysia	23
1.10.3	JPN / PPD	24
1.10.4	Dasar negara	25
1.11	Batasan kajian	25
1.12	Definisi operasional	27
1.12.1	GPK Kokurikulum	27
1.12.2	Kepimpinan transformasional	27
1.12.3	Pengaruh ideal	27
1.12.4	Motivasi berinspirasi	28
1.12.5	Rangsangan intelek	28
1.12.6	Pertimbangan individu	28
1.12.7	Penglibatan kokurikulum	29
1.12.8	Penglibatan tenaga fizikal dan psikologi	29
1.12.9	Penglibatan berlaku secara berterusan	29
1.12.10	Kebolehkukuran secara kuantitatif dan kualitatif	30
1.12.11	Penglibatan berkait rapat dengan aspek pendidikan	30
1.12.12	Penyertaan murid adalah berkait rapat dengan keberkesanan polisi dan sistem pendidikan	30
1.12.13	Orang Asli	31
1.12.14	Sekolah dalam komuniti orang Asli	31
1.13	Rumusan	31

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pendahuluan	32
2.2	Konsep kepimpinan	33
2.3	Model Kepimpinan Transformasional	38
2.3.1	Model Kepimpinan Transformasional Bass (1985)	39
2.3.2	Model Kepimpinan Transformasional Leithwood (1994)	43
2.3.3	Model Kepimpinan Transformasional Kouzes dan Posner (1995)	45
2.4	Konsep Penglibatan	49
2.4.1	Teori Penglibatan Alexander Astin (1999)	53
2.4.2	Teori Penglibatan Penghalang Masa Lapang Crawford dan Godbey (1987)	57
2.4.3	Model Penglibatan Komitmen Sukan Scanlan (1993)	59
2.5	Kajian Lepas	61
2.5.1	Kajian Kepimpinan Transformasional	62
2.5.2	Tahap Penglibatan Murid Dalam Kokurikulum	65
2.5.3	Perbezaan Penglibatan Kokurikulum Berdasarkan Demografi	68
2.5.4	Hubungan Kepimpinan Transformasional Dengan Penglibatan Murid	69
2.5.5	Pengaruh Kepimpinan Transformasional Terhadap Penglibatan Murid	72
2.6	Rumusan	73

**BAB 3 METODOLOGI KAJIAN**

3.1	Pendahuluan	78
3.2	Reka bentuk kajian	79
3.3	Populasi dan persampelan kajian	81
3.4	Instrumen kajian	85
3.4.1	Soal selidik	86
3.5	Kajian rintis	89
3.6	Ujian normaliti	91
3.7	Kesahan dan kebolehppercayaan	92
3.7.1	Kesahan muka dan kandungan	92
3.7.2	Kebolehppercayaan	100
3.8	Prosedur pengumpulan data	104
3.9	Prosedur penganalisan data	106
3.9.1	Analisis deskriptif	107
3.9.2	Analisis inferens	108
3.9.2.1	Ujian-t sampel bebas	108
3.9.2.2	Analisis korelasi Pearson	109
3.9.2.3	Analisis regresi linear	110
3.10	Rumusan	112

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	113
4.2	Persediaan Data	113
4.2.1	Ujian Normaliti	115
4.3	Latar belakang responden kajian	119
4.4	Tahap kepimpinan transformasional GPK Kokurikulum di sekolah komuniti orang Asli	124





4.5	Tahap penglibatan kokurikulum murid di sekolah Komuniti orang Asli	125
4.6	Perbezaan penglibatan kokurikulum murid Asli berdasarkan sekolah Asli luar bandar dan sekolah Asli pedalaman	126
4.7	Hubungan antara kepimpinan transformasional GPK Kokurikulum dengan penglibatan kokurikulum murid di sekolah komuniti orang Asli	129
4.8	Pengaruh kepimpinan transformasional GPK Kokurikulum terhadap penglibatan murid di sekolah komuniti orang Asli	130
4.9	Rumusan	135

BAB 5 PERBINCANGAN, CADANGAN DAN RUMUSAN

5.1	Pendahuluan	137
5.2	Perbincangan dapatan kajian	138
5.2.1	Tahap kepimpinan transformasional GPK Kokurikulum	138
5.2.2	Tahap penglibatan kokurikulum murid di sekolah komuniti orang Asli	140
5.2.3	Perbezaan penglibatan kokurikulum murid Asli berdasarkan kategori sekolah	141
5.2.4	Hubungan antara kepimpinan transformasional GPK Kokurikulum dengan penglibatan kokurikulum murid sekolah komuniti orang Asli	142
5.2.5	Pengaruh kepimpinan transformasional GPK Kokurikulum terhadap penglibatan kokurikulum murid sekolah komuniti orang Asli	143
5.3	Implikasi kajian	144
5.3.1	Sekolah	144
5.3.2	JPN dan PPD	145
5.3.3	KPM dan IAB	146
5.3.4	Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA)	147



5.4	Sumbangan kajian	148
5.5	Cadangan kajian pada masa hadapan	152
5.6	Kesimpulan	154
RUJUKAN		157
LAMPIRAN		172



SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka surat
3.1 Jumlah sekolah kebangsaan (Asli) dalam kajian dan bilangan responden di Pahang	82
3.2 Jumlah sekolah Asli mengikut daerah di Pahang	83
3.3 Bilangan item soal selidik Kepimpinan Transformasional GPKKo	87
3.4 Bilangan item soal selidik penglibatan kokurikulum murid Asli	88
3.5 Skala Likert soal selidik	89
3.6 Panel pakar kesahan	94
3.7 Keputusan lima panel pakar kesahan bagi instrumen kepimpinan transformasional GPKKo dan penglibatan kokurikulum murid Asli di sekolah	96
3.8 Item yang perlu ditambahbaik daripada pakar kesahan	98
3.9 Item soal selidik yang telah ditambahbaik	99
3.10 Skor peratus keseluruhan item instrumen kesahan pakar	100
3.11 Tafsiran Kebolehpercayaan Item Instrumen Berdasarkan Nilai Cronbach Alfa.	101
3.12 Kebolehpercayaan item kepimpinan transformasional GPK Kokurikulum	102
3.13 Kebolehpercayaan item penglibatan kokurikulum murid	103
3.14 Interpretasi Skor Min	107
3.15 Kekuatan hubungan Pekali Pearson (interpretasi 'r')	109





3.16	Rumusan Penganalisisan Data Kajian	111
4.1	Kutipan data	114
4.2	Ujian normaliti data	115
4.3	Jadual lineariti (Jadual ANOVA)	117
4.4	Taburan jumlah dan peratus responden berdasarkan jantina	120
4.5	Taburan jumlah dan peratus responden berdasarkan kategori sekolah	120
4.6	Taburan jumlah dan peratus responden berdasarkan tahap akademik	121
4.7	Taburan jumlah dan peratus responden berdasarkan umur	122
4.8	Taburan jumlah dan peratus responden berdasarkan pengalaman mengajar	123
4.9	Tahap kepimpinan transformasional GPKKo di sekolah komuniti orang Asli	124
4.10	Tahap penglibatan kokurikulum murid Asli di sekolah komuniti orang Asli	125
4.11	Data deskriptif kategori Sekolah (Asli) luar bandar dan pedalaman	126
4.12	Perbezaan penglibatan kokurikulum murid di sekolah komuniti orang Asli di Pahang berdasarkan kategori sekolah	127
4.13	Saiz kesan bagi perbezaan penglibatan kokurikulum, murid sekolah komuniti orang Asli kawasan luar bandar dan pedalaman	128
4.14	Analisis korelasi Pearson kepimpinan transformasional dengan penglibatan kokurikulum murid di sekolah komuniti orang Asli	129
4.15	Analisis regresi linear kepimpinan transformasional GPKKo terhadap penglibatan kokurikulum di sekolah komuniti orang Asli	131
4.16	Analisis ANOVA kepimpinan transformasional GPKKo terhadap penglibatan kokurikulum di sekolah komuniti orang Asli	133
4.17	Jadual koefisien dan pembentukan persamaan regresi	134





SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka surat
1.1 Kerangka konseptual kajian	21
2.1 Rumusan Model Kepimpinan Model Transformasional Bass (1985)	42
3.1 Kajian populasi	85
3.2 Kerangka masa pengumpulan data kajian	106
4.1 Histogram bagi skewness dan kurtosis pemboleh ubah kepimpinan GPK Kokurikulum serta penglibatan kokurikulum	116
4.2 Scatter Plot	118
4.3 Taburan residual bagi homoscedasticity kepimpinan transformasional GPK Kokurikulum dan penglibatan kokurikulum murid Asli	119
4.4 Keluk taburan normal	132
5.1 Penemuan baharu berdasarkan dapatan kajian	152





SENARAI SINGKATAN

GPKKo	Guru Penolong Kanan Kokurikulum
IAB	Institut Aminuddin Baki
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
JAKOA	Jabatan Kemajuan Orang Asli
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
MLT	<i>Middle Leader Team</i>
MSSM	Majlis Sukan Sekolah Malaysia
PAJSK	Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan kokurikulum
PBB	Pasukan Badan Beruniform
PdPC	Pengajaran dan Pemudah Cara
PGB	Pengetua, Guru Besar
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
SLT	<i>Senior Leader Team</i>
SK (A)	Sekolah Kebangsaan Asli
TPP	Transformasi Pendidikan Pahang
4M	Membaca, Menulis, Mengira, Menaakul





SENARAI LAMPIRAN

- A Pembahagian Item Instrumen Soal Selidik
- B Borang Kesahan Pakar Instrumen Soal Selidik
- C Borang Soal Selidik
- D Analisis SPSS Data Kajian
- E Surat Lantikan Pakar Kesahan
- F Surat Kebenaran EPRD, KPM
- G Surat Kebenaran JPN Pahang
- H Analisis Respon Soal Selidik
- I Sijil Pembentangan Kajian



BAB 1

Pengenalan

1.1 Pendahuluan

Penglibatan murid-murid di dalam aktiviti kokurikulum adalah wajib dan ia perlu dipatuhi oleh semua warga sekolah di Malaysia. Penglibatan murid-murid di dalam aktiviti kokurikulum yang dirancang oleh pihak sekolah ini merangkumi satu badan utama iaitu kelab dan persatuan, sukan dan permainan dan pasukan badan beruniform. Perkara ini telah termaktub dalam peraturan-peraturan Pendidikan (Kurikulum Kebangsaan) 1997, berkuatkuasa 1 Januari 1998 (Akta Pendidikan 1996 – Seksyen 18 dan 30) menyatakan tiga aktiviti utama kokurikulum ialah Kelab/Persatuan, Pasukan Badan Beruniform dan Sukan/Permainan. Maka tidak hairanlah bahawa proses pelaksanaan kokurikulum di sekolah perlu mengikut kepada prosedur-prosedur yang ditetapkan KPM agar visi dan misi gerak kerja kokurikulum ini tercapai. Ketiga-tiga unit induk ini perlu dirancang pelaksanaan programnya oleh pihak sekolah supaya bakat



dan potensi murid dapat diserlahkan. Perkara ini disokong oleh Rasyidi dan Siti Aisyah (2020), iaitu, sekiranya perancangan, pendekatan serta penyeliaan yang berterusan dalam kokurikulum, maka visi dan misi dalam bidang ini dapat dicapai dengan baik.

Dalam kajian ini, Guru Penolong Kanan Kokurikulum (GPK Kokurikulum) dipilih sebagai fokus kajian ini kerana ia turut memainkan peranan penting sebagai pemimpin atasan sekolah selain guru besar yang bertanggungjawab memantau dan meyelaras pelaksanaan aktiviti serta program kokurikulum di sekolah. Malah, GPK Kokurikulum turut mempunyai kuasa dan pengaruh dalam pentadbiran, kepimpinan dan akses secara langsung kepada perjalanan pengurusan aktiviti yang memberi impak kepada kokurikulum sekolah.

Walau bagaimanapun, tugas untuk merealisasikan perkara ini bukanlah terletak pada penolong kanan kokurikulum semata-mata, malah ia melibatkan semua pihak khususnya guru di sekolah atau guru penasihat. Peranan berbeza yang dipegang oleh kedua-dua pihak ini akan menzahirkan kejayaan dalam kokurikulum sama ada dari segi penglibatan dan pencapaian murid dalam kokurikulum. Pernyataan ini dikukuhkan lagi oleh Sheila dan Abdul Said (2019), bahawa pentadbir sekolah perlu bekerjasama dengan guru agar kokurikulum dapat dilaksanakan dengan lebih mantap dan sistematik. Ini membuktikan dengan jelas bahawa pentadbir kokurikulum dan guru memainkan tanggungjawab penting dalam menggalas amanah dalam bidang kokurikulum ini. John C. Maxwell dalam bukunya iaitu *360° Leader* menyatakan bahawa 99 peratus kepimpinan berlaku bukan daripada pihak atasan, tetapi datang daripada peringkat pertengahan organisasi. Maka kepimpinan GPK Kokurikulum yang cemerlang akan melahirkan guru yang berkarisma dan berdedikasi dalam bidang kokurikulum. Perkara





tersebut adalah bertepatan dengan kajian tentang kepemimpinan transformasional iaitu untuk memperkemas kualiti para guru, mereka akan diberi peluang untuk melaksanakan sesuatu tugas mengikut kepada kelebihan dan status mereka di sekolah (Jamilah et al., 2016).

Salah satu punca kuasa yang kukuh tentang penglibatan dan pelaksanaan kokurikulum di sekolah ialah termaktub di dalam Subperaturan 3(1) Peraturan-Peraturan Pendidikan (Kurikulum Kebangsaan) 1997 yang diterbitkan sebagai PU(A)531/97 yang dinyatakan bahawa melaksanakan aktiviti kokurikulum adalah wajib dan kegagalan serta keengganan melaksanakan kegiatan kokurikulum adalah suatu kesalahan yang jika disabitkan bersalah boleh dijatuhi hukuman denda atau penjara atau kedua-dua sekali di bawah penalti am. Maka, sebagai pentadbir kepada pengurusan bidang kokurikulum, GPK Kokurikulum perlu memperkukuhkan pengetahuan dengan ilmu kepimpinan agar bidang kokurikulum yang diterajunya dapat bergerak dengan jayanya. Berdasarkan kajian yang dilaksanakan oleh Lin et al., (2022) mendapati bahawa kepimpinan transformasional mempunyai kesan signifikan terhadap sikap profesional guru dalam pengajaran serta penggunaan strategi mengajar dengan baik dan ini didorong dengan peningkatan keyakinan diri guru tersebut. Walaupun kajian ini menjurus kepada persepsi guru, namun ia menjadi petunjuk kepada pihak pentadbir sekolah bahawa kepimpinan transformasional seorang pentadbir memberi kesan terhadap para guru untuk lebih proaktif. Tambahan pula, terdapat banyak kajian yang telah dijalankan menunjukkan kepimpinan yang baik mampu menarik minat para guru penasihat dan murid-murid untuk melibatkan diri dalam pelbagai bidang kokurikulum. Perkara ini dijelaskan melalui dapatan kajian yang dijalankan Margaret dan Chua (2021), Azmi dan Ahmad Zamri (2018).





Bidang kokurikulum yang dilaksanakan di sekolah adalah sama penting dengan bidang kurikulum kerana ia dapat memperkukuh kemenjadian murid. Ini adalah selari dengan Warta Kerajaan jilid 41, No 26 Tambahan No.94 Pandangan A.P.U (A) 531, Akta Pendidikan 1996, Peraturan-peraturan (Kurikulum Kebangsaan) bertarikh 31 Disember 1997 yang menyatakan bahawa aktiviti kokurikulum adalah kesinambungan daripada aktiviti kurikulum dan bertepatan dengan kegiatan yang dirancang lanjutan daripada proses pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah yang memberikan murid peluang untuk menambah, mengukuh dan mengamalkan pengetahuan, kemahiran dan nilai yang dipelajari di bilik darjah. Daripada warta ini, telah menunjukkan bahawa aktiviti kokurikulum merupakan aktiviti yang dirancang sama ada di dalam atau di luar bilik darjah yang merangkumi tiga cabang utama iaitu kelab dan persatuan, pasukan badan beruniform serta sukan dan permainan termasuklah ekstrakurikulum.



Mutakhir ini, penglibatan kokurikulum dalam aktiviti kokurikulum juga bukan sahaja dilaksanakan secara bersemuka, malah turut dilaksanakan secara atas talian dan semakin meluas pelaksanaannya. Pelaksanaan aktiviti kokurikulum ini adalah selari dengan perkembangan teknologi digital pada masa kini dan ia memudahkan murid melibatkan diri dalam sebarang aktiviti atau pertandingan kokurikulum secara maya. Ini sekaligus dapat membantu murid untuk melibatkan diri dalam aktiviti kokurikulum. Teknologi digital dapat mempengaruhi penyertaan murid dalam aktiviti kokurikulum (Sheila & Abdul said, 2019).

Selain memastikan pelaksanaan aktiviti kokurikulum dilaksanakan di dalam sekolah, GPK Kokurikulum perlu memastikan aktiviti kokurikulum yang dirancang





juga merangkumi aktiviti-aktiviti lain di luar sekolah seperti program pendidikan luar. Walaupun aktiviti pendidikan luar mempunyai banyak tafsiran oleh ahli akademik, namun ia masih di dalam ruang lingkup pembelajaran kokurikulum kerana ia melibatkan penyertaan murid di dalam aktiviti seperti aktiviti luar badan beruniform, sukan dan rekreasi serta kemasyarakatan. Md Amin (2011) menyatakan bahawa pendidikan luar ialah satu proses pendidikan yang terancang yang dijalankan di luar kelas atau alam semula jadi. Sesuai dengan istilah aktiviti kokurikulum ialah sebahagian daripada kurikulum, maka ia juga mampu memberi kesan yang baik kepada murid dalam aspek intelektual, jasmani, rohani, emosi dan sahsiah. Sesuai dengan kajian yang dijalankan Richmond et al., (2017) menyatakan bahawa penglibatan murid dalam aktiviti pendidikan luar dapat memberi galakan kepada murid untuk berusaha dan meningkatkan tahap pencapaian dalam bidang akademik.



Kesimpulannya, kepimpinan GPKKo yang mantap mampu mempengaruhi penglibatan murid dalam kokurikulum untuk mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran, nilai norma, unsur kebudayaan dan kepercayaan yang dapat membantu perkembangan seseorang murid dengan baik dari segi jasmani, rohani, mental, emosi dan sahsiah.

1.2 Latar Belakang Kajian

Aspek kepimpinan sekolah sering kali disebut sebagai kunci utama kepada kejayaan dalam pelbagai bidang di sekolah. Selain guru besar, gaya kepimpinan yang dibawa oleh guru penolong kanan dalam bidang kurikulum, hal ehwal murid dan kokurikulum





mampu merencanakan lagi kejayaan dalam bidang masing-masing. Di sebalik kejayaan tersebut, tersirat pelbagai cabaran yang perlu dihadapi oleh pihak sekolah khususnya pentadbir. Kajian yang dijalankan oleh Ghavifekr et al., (2014) mendapati pihak pentadbir sekolah menghadapi berbagai-bagai isu serta cabaran berkaitan pengurusan sekolah. Oleh hal demikian, jalan penyelesaian terbaik bagi menyelesaikan kemelut tersebut ialah melalui transformasi kepimpinan dalam pentadbiran.

Pelbagai gaya kepimpinan yang diketengahkan oleh pentadbir dalam urusan pentadbiran masing-masing. Salah satu gaya kepimpinan terbaik yang diamalkan pentadbir ialah kepimpinan transformasional. Dalam kajian Gan Yin dan Mohd Izham (2023) mendapati kunci utama untuk membangunkan sekolah ialah melalui kepimpinan transformasional. Ia adalah selari dengan kajian Vijian dan Jamalul Lail (2020), yang mendapati bahawa untuk menjadikan sesebuah organisasi yang berkesan, kepimpinan transformasional merupakan kepimpinan yang perlu diamalkan oleh pentadbir.

Bentuk kepimpinan yang menjadi kebiasaan amalan pemimpin ialah teori kepimpinan transformasional Bass (1985). Teori ini merangkumi empat elemen utama yang perlu diamalkan oleh pentadbir untuk kejayaan organisasi. Pemimpin transformasional akan mewujudkan hubungan bersama dengan pengikutnya dengan tujuan untuk membangunkan motivasi dan moral mereka. Malah, pemimpin ini akan mewujudkan pengaruh yang baik supaya menjadi teladan kepada pengikutnya agar visi dan misi organisasi tercapai. Perhubungan dua hala yang baik ini akan mewujudkan lagi rasa percaya, setia dan hormat pengikut kepada pemimpin. Maka, tidak hairanlah sekiranya organisasi sekolah di bawah pemimpin yang mempunyai ciri-ciri kepimpinan transformasional mampu menggerakkan sekolah dengan lebih cemerlang ke arah hala





tujuan visi dan misi yang ditetapkan. Perkara ini disokong oleh Aziah Ismail dan Ahmad Zhamri (2018) yang menyatakan bahawa bentuk kepimpinan yang dibawa oleh Burns dan Bass ini memberi kesan yang besar dalam organisasi. Hal ini turut ditekankan dalam agenda pendidikan negeri Pahang melalui Transformasi Pendidikan Pahang (2021-2030) iaitu dalam inisiatif ke-4 yang menekankan pengukuhan kepimpinan transformasional, memperkukuh karisma kepemimpinan dan meningkatkan keupayaan kepimpinan dan pengurusan. Ini menunjukkan bahawa aspek kepimpinan merupakan perkara penting dalam sesebuah organisasi pendidikan.

Selain bidang kurikulum yang sentiasa menjadi keutamaan dalam pembentukan kemenjadian murid di sekolah, bidang kokurikulum juga harus dititiberatkan oleh pentadbir. Peranan untuk mengurus bidang ini adalah di bawah tanggungjawab GPK Kokurikulum. Berdasarkan kepada "*Malaysian School Governance*" (MySG) (2021), yang diiktiraf oleh Kementerian Pendidikan Malaysia sebagai rujukan warga pendidik menyatakan bahawa guru penolong kanan kokurikulum merupakan sebahagian subkomponen pengurusan sekolah yang mempunyai peranan dalam bidang-bidang yang turut tergolong dalam pembangunan kemenjadian murid. Selain peranannya merancang, mengelola, memimpin dan mengawal bidang kokurikulum (Stoner et al., 1995) GPK Kokurikulum turut berperanan untuk memastikan semua murid terlibat secara aktif dalam bidang ini. Untuk itu, GPK Kokurikulum perlu memastikan perancangan yang rapi dan tersusun supaya murid mampu dan seronok untuk menyertai aktiviti atau program kokurikulum yang dijalankan. Ini adalah bertepatan dengan kajian daripada Shiamila dan Jamal (2021), Sheila dan Abdul Said (2019), Fischer dan Theis (2014) dan Hairul dan Melati (2013) pengurusan kokurikulum yang dilaksanakan





dengan baik berkait rapat serta mempunyai hubungan positif dengan penglibatan murid dalam aktiviti kokurikulum.

Selain itu, antara perkara penting yang perlu diambil perhatian serius oleh GPK Kokurikulum ialah kewajipan penglibatan murid di dalam aktiviti kokurikulum sekolah. Kewajipan ini telah termaktub dengan jelas melalui Surat Pekeliling Ikhtisas KP(BS) 8591/ Jilid 11 (29) bertarikh 02 Januari 1985. Kewajipan penglibatan murid dalam kokurikulum memberi kesan yang positif kepada fizikal dan mental serta membantu dalam perkembangan membina psikomotor mereka. Menurut Sandra dan Anuar (2016), didapati bahawa murid yang mempunyai kemahiran sosial yang baik adalah mereka yang melibatkan diri dalam aktiviti kokurikulum dengan aktif dan turut berkeupayaan untuk membentuk perwatakan murid tersebut. Dapatan tersebut disokong dengan kajian Roslee et al., (2021) yang menyatakan bahawa keterlibatan murid dalam kokurikulum turut memberi kesan kepada kemahiran insaniah mereka.

Namun, dalam satu kajian ilmiah berbentuk kualitatif menunjukkan terdapat cabaran untuk memastikan kehadiran murid Asli ke aktiviti kokurikulum sekolah. Dalam satu kajian tentang punca ketidakhadiran murid Asli dalam aktiviti kokurikulum yang dijalankan oleh Johari dan Selmajariah (2010) dan Aslian (2012) mendapati terdapat beberapa faktor yang menyebabkan murid Asli tidak melibatkan diri dalam aktiviti kokurikulum antaranya ialah sikap, ibu bapa serta budaya, tidak minat dan pengaruh rakan sebaya dan seterusnya akan menyebabkan ketidakhadiran mereka ke sekolah. Masalah ketidakhadiran ini merupakan satu tabiat yang melanda di kebanyakan sekolah-sekolah Asli dan ini sekaligus menjejaskan penglibatan murid dalam aktiviti atau program kokurikulum. Ketidakhadiran mereka akan memberi impak





yang besar dalam pelbagai aspek. Walaupun, dapatan daripada kajian ini adalah berdasarkan kepada perspektif guru penasihat tentang kepimpinan transformasional GPK Kokurikulum dengan penglibatan murid Asli, namun ia mengganggu pihak sekolah dalam usaha untuk mengenal pasti bakat, minat, potensi dan kecenderungan mereka dalam aktiviti kokurikulum. Keterbatasan murid Asli dalam penguasaan PdPC kokurikulum juga mempengaruhi mereka dalam keterlibatan kokurikulum. Aktiviti kokurikulum kebiasaannya melibatkan beberapa elemen 4M dan menjadi kesukaran kepada mereka sekali gus menghilangkan minat terhadap kokurikulum ini.

Bagi memastikan pembangunan kualiti pendidikan dalam bidang kokurikulum, kepimpinan GPK Kokurikulum memainkan penting bagi penglibatan dan pencapaian murid dalam aktiviti kokurikulum. Berdasarkan keperluan dapatan untuk menjalankan kajian, keputusan PAJSK sesi 2022/2023 yang diperoleh daripada PPD Rompin, menunjukkan tahap penglibatan dan pencapaian murid di sekolah kebangsaan (Asli) masih kurang memberangsangkan iaitu hanya 6.72 peratus mendapat gred A, 63.75 peratus mendapat gred B, 22.2 peratus mendapat gred C dan 3.67 peratus serta 0.20 peratus masing-masing mendapat gred D dan E. Manakala, sebanyak 3.46 peratus merupakan murid yang tidak melaksanakan apa-apa aktiviti kokurikulum sepanjang tahun semasa tersebut. Justeru, konflik ini telah dapat memberi panduan awal mengenal pasti tahap penglibatan murid Asli dalam kokurikulum di sebuah daerah di Pahang iaitu di Rompin. Melalui kajian ini, diharapkan ia dapat dibuat perbandingan antara penglibatan murid Asli di sekolah komuniti orang Asli seluruh negeri Pahang.

Secara umumnya, terdapat 25 buah sekolah kebangsaan (Asli) yang terletak di beberapa daerah di negeri Pahang akan dikaji bagi melihat hubungan kepimpinan





transformasional dengan penglibatan kokurikulum murid. Data-data yang diperoleh daripada PPD Rompin berkenaan keterlibatan dan pencapaian kokurikulum murid Asli adalah kurang memberangsangkan. Maka, kajian secara menyeluruh perlu dijalankan di negeri Pahang khususnya sekolah di komuniti Asli yang majoritinya murid-muridnya adalah kaum Asli pelbagai etnik. Diharapkan, berbekalkan eviden-eviden yang dikumpul dan dikaji membolehkan kajian ini memperoleh hasil yang akan dapat menjawab persoalan-persoalan yang timbul. Walaupun hasil kajian ini tidak boleh digeneralisasikan, namun ia masih boleh dijadikan sebagai rujukan kepada pihak pentadbir khususnya GPK Kokurikulum untuk melakukan perubahan dalam memimpin organisasi sekolah termasuklah merancang dengan lebih baik aktiviti kokurikulum termasuklah untuk murid Asli.



Justeru, kepimpinan transformasional GPK Kokurikulum boleh dikatakan perkara penting untuk memimpin sekolah dengan lebih berkesan dan berjaya di samping mengoptimumkan keterlibatan murid-murid sekolah kebangsaan (Asli) dalam aktiviti kokurikulum. Justeru, kajian ini adalah bertujuan untuk mengenal pasti hubungan antara kedua-dua pemboleh ubah tersebut khususnya bagi sekolah-sekolah komuniti Asli yang terletak di negeri Pahang.

1.3 Pernyataan masalah

Penglibatan murid dalam aktiviti kokurikulum sekolah adalah berkait rapat dengan kejayaan dan hala tuju kepimpinan GPK Kokurikulum untuk mengatur dan mengemudi mereka dalam bidang tersebut. Bentuk kepimpinan GPK Kokurikulum





yang sesuai seperti mengamalkan kepemimpinan transformasional juga memberi kesan kepada penglibatan murid dalam kokurikulum. Pendapat ini disokong oleh Kelleher (2016), yang menyatakan bahawa kejayaan dan iklim budaya sekolah dipengaruhi oleh cara pemimpin memimpin. Dalam kajian yang dijalankan oleh Nurul Husna (2021) didapati bahawa kepemimpinan transformasional merupakan bentuk kepemimpinan yang menjadi pilihan pentadbir sekolah kerana ia mampu mempengaruhi tindakan guru yang sekali gus boleh memberi kesan kepada penglibatan murid dalam kokurikulum. Kepimpinan transformasional di sekolah mampu memberi kesan ke atas pelaksanaan tanggungjawab guru (Stefan & Olivera, 2018) . Perkara ini telah dijelaskan di dalam latar belakang kajian bahawa pentadbir sekolah yang mengaplikasikan kepemimpinan transformasi ini menunjukkan keputusan kajian pada tahap yang tinggi.

Walau bagaimanapun, tidak dinafikan bahawa terdapat kajian yang dijalankan oleh penyelidik terdahulu di sekolah tertentu menunjukkan tahap kepemimpinan transformasional yang rendah dalam pelbagai bentuk kajian hubungannya. Misalnya, kajian Gobinathan (2020) mendapati hasil kajiannya di SJK(T) Zon Kajang adalah berada pada tahap sederhana dalam hubungan kepuasan kerja guru dengan kepemimpinan transformasional. Walaupun ia adalah tentang kepuasan kerja guru, namun dalam kajiannya juga perkara ini sudah semestinya turut memberi kesan kepada usaha mereka untuk melaksanakan aktiviti pembelajaran di sekolah termasuklah dalam kokurikulum. Kalaivani dan Azlin (2018) yang melaksanakan kajian mereka di SJKT daerah Hulu Langat turut mendapati kepemimpinan transformasional juga berada pada tahap sederhana. Walaupun kajian kepemimpinan beliau lebih menjurus kepada efikasi guru, namun ia secara tidak langsung berkait rapat dengan semua bidang di sekolah. Begitu juga dengan kajian di luar negara yang dijalankan oleh Kedir dan Geleta (2017),





mendapati bahawa kepimpinan transformasional di institut vokasional di Ethiopia turut menunjukkan tahap yang rendah. Malah, kajian daripada Arokiasamy et al. (2016), yang dilaksanakannya di 12 sekolah di Kinta Selatan, Perak turut berada pada tahap sederhana. Begitu juga dengan kajian Siti N.Shahshina dan Ahmad (2014) yang berkaitan tentang keberkesanan sekolah mendapati kepimpinan transformasional pentadbir kolej vokasional adalah pada tahap sederhana. Malah, hasil dapatan kajian beliau bagi setiap elemen dalam aspek kepimpinan transformasional turut menunjukkan dapatan kajian yang sederhana tinggi.

Walaupun pelbagai inisiatif telah diperkenalkan oleh banyak pihak untuk meningkatkan penglibatan murid dalam aktiviti kokurikulum sama ada di sekolah atau luar sekolah, masih wujud jurang penyertaan dalam kalangan murid orang Asli. Isu ini dikuatkan lagi dengan laporan akhbar daripada Nik Amalena (2024) yang menyatakan perihal tentang memperkasakan pelajar orang Asli dalam aktiviti kokurikulum di IPT. Perkara ini belum termasuk dengan keputusan PAJSK bagi setiap sekolah di Malaysia bagi pengukuran penglibatan serta pencapaian setiap murid dalam kokurikulum. Selain itu, penglibatan murid juga adalah berkait rapat dengan kemahiran dan pengetahuan guru-guru penasihat dalam bidang kokurikulum khususnya bidang yang diamanahkan oleh GPK Kokurikulum. Perkara ini sedikit sebanyak mempengaruhi pelaksanaan aktiviti, minat dan penyertaan murid dalam aktiviti kokurikulum. Perkara ini disokong oleh dapatan kajian berbentuk kualitatif yang dijalankan oleh Noor Azzam et al., (2020) iaitu pembabitan guru penasihat kokurikulum dalam kursus-kursus berkaitan kokurikulum sama ada dianjurkan oleh pihak sekolah atau pihak luar membolehkan mereka menguruskan, bertambah minat serta lebih efektif dalam bidang kokurikulum





dan pada masa yang sama mampu menarik minat murid-murid untuk melibatkan diri dalam aktiviti yang dijalankan.

Walau bagaimanapun, penglibatan murid di dalam aktiviti kokurikulum bagi murid Asli kebiasaannya berbeza daripada murid yang lain. Ini adalah kerana terdapat pelbagai faktor yang menjadi cabaran kepada GPK Kokurikulum untuk memberi galakan kepada mereka untuk terlibat dengan kokurikulum. Kajian yang dijalankan oleh Asraff Ariff dan Halijah (2019) di Kelantan dan Johor membuktikan bahawa perkembangan motor kasar kanak-kanak orang Asli berada dalam kategori lemah. Kajian ini disokong dengan Singh dan Lian (2018) serta Saidon Amri dan Aris Fazil (2009) yang turut mengatakan perkembangan motor kasar kanak-kanak di Malaysia adalah bermasalah. Manakala, aktiviti yang menjadi minat untuk keterlibatan mereka ialah sukan dan permainan, perkhemahan, pertandingan, lawatan dan guru yang kreatif serta mesra.

Perkara ini disokong serta diperkemaskan lagi oleh Yew et al., (2021) yang menyatakan tentang sepuluh faktor kehadiran murid Asli ke sekolah dan ini sekali gus menyebabkan mereka akan melibatkan diri dalam aktiviti kokurikulum. Begitu juga dengan kajian di SJKC daerah Gua Musang daripada Phei dan Norleena (2021) yang mendapati bahawa murid cenderung untuk terlibat dalam sukan adalah kerana keseronokan yang dirasakan apabila mereka bersukan bersama dengan rakan-rakan. Begitu juga dengan pelaksanaan aktiviti kokurikulum yang berkualiti dapat mewujudkan pengaruh positif kepada pelajar untuk penglibatan mereka dalam aktiviti kokurikulum (Sheila Micheal & Ab Said Ambotang, 2019). Ini disokong dengan kajian Zuraini (2018) yang menyatakan guru penasihat sukar mengukuhkan minat murid





dalam aktiviti kokurikulum terutamanya untuk mempelbagaikan aktiviti-aktiviti dalam perjumpaan kokurikulum. Kajian-kajian terdahulu turut menyatakan bahawa elemen-elemen yang mempengaruhi penyertaan pelajar dalam aktiviti kokurikulum ialah sendiri pelajar (Wardatul & Nooraini, 2014) dan infrastruktur (Mohd & Suhaida, 2013)

Ini menunjukkan bahawa peranan pentadbir dan guru dalam bidang kokurikulum adalah perlu untuk membantu penglibatan murid dalam kokurikulum ini. Perkara ini perlu diambil perhatian oleh pihak pentadbir khususnya GPK Kokurikulum untuk merancang serta mengelola program-program peningkatan profesionalisme guru dan murid bukan sahaja dalam bidang akademik malahan juga dalam bidang kokurikulum.



Dapatan kajian daripada Mohd Aizat & Kamarudin (2019), mendapati guru sekolah rendah berada pada tahap amalan profesionlisme yang tinggi khususnya dalam aspek pengetahuan pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) untuk memastikan pembelajaran para murid dalam kurikulum dan kokurikulum adalah berterusan. Manakala dalam kajian yang dijalankan oleh Nurul Hafizah (2020) iaitu latihan serta pendedahan yang kurang berkaitan kokurikulum kepada guru penasihat menyebabkan kesediaan kognitif berada pada tahap yang sederhana. Maka daripada dapatan kajian lalu ini menunjukkan bahawa kebarangkalian terdapat hubungan yang signifikan antara kesediaan kognitif guru penasihat terhadap amalan pengurusan kokurikulum dan sekaligus boleh merapatkan jurang kepada keterlibatan murid dalam kokurikulum.

Pelbagai kajian telah dijalankan untuk membuktikan hubungan antara pemboleh ubah tidak bersandar dengan tahap kepimpinan transformasional di sekolah. Kajian





daripada Nguang dan Lau Siew (2020), Nurul Husna (2021) Elvtah Batundok (2023), dan Gan Yin dan Mohd Izham (2023) yang mendapati kepimpinan transformasional pentadbir sekolah mempunyai hubungan yang signifikan serta berkait rapat dengan penglibatan murid dalam pembelajaran termasuk kokurikulum. Ini adalah kerana kepimpinan yang dibawa oleh pentadbir akan mempengaruhi kerja buat guru penasihat dalam kokurikulum dan seterusnya ia akan memberi kesan kepada mereka serta mampu menarik minat murid untuk melibatkan diri dalam aktiviti yang dilaksanakan. Perkara ini disokong dalam kajian oleh Stefan dan Olivera (2018) yang mendapati bahawa untuk meningkatkan persepsi positif guru di sekolah perkara yang penting ialah melalui kepimpinan transformasional pentadbir. Ia sekali lagi disokong dengan pendapat daripada Nguang dan Lau Siew (2020) yang menyatakan bahawa gaya kepimpinan transformasional boleh diamalkan oleh GPK Kokurikulum di sekolah bagi memastikan guru penasihat kokurikulum meningkatkan prestasi dalam bidang kokurikulum. Justeru, diharapkan dengan kajian yang akan dijalankan ini mampu menjawab persoalan kajian tentang hubungan kepimpinan transformasional GPK Kokurikulum dengan penglibatan kokurikulum murid di sekolah kebangsaan (Asli) yang terletak di seluruh negeri Pahang.

Seperkara lagi yang menarik perhatian supaya kajian ini perlu dilaksanakan di seluruh negeri Pahang adalah kerana kawasan kajian yang dijalankan merupakan kawasan kategori luar bandar dan pedalaman. Dalam kajian Noraazian dan Khalip (2016) dinyatakan bahawa terdapat perbezaan dapatan antara elemen-elemen dalam kepimpinan transformasional dari segi kawasan sekolah di kawasan bandar atau luar bandar dengan sekolah di kawasan pinggir bandar. Perkara ini dilihat sebagai satu isu yang menunjukkan kedudukan kawasan boleh menjadi faktor untuk mempengaruhi





elemen-elemen dalam kepimpinan transformasional. Pada masa yang sama, kepimpinan pentadbir dalam memimpin sekolah Asli adalah berbeza dengan sekolah kebangsaan biasa. Ini termasuklah perihal tentang penglibatan murid mereka dalam bidang kokurikulum. Oleh itu, melalui kajian yang akan dilaksanakan ini akan memberi dapatan kajian yang baharu sama ada sekolah yang dikaji mengamalkan keseluruhan aspek kepimpinan transformasional atau sebaliknya. Pada masa yang sama akan diketahui sama ada kepimpinan transformasional mempunyai hubungan dengan penglibatan kokurikulum murid di sekolah komuniti Asli ini atau kepimpinan yang berbeza.

Berdasarkan pernyataan masalah yang dibincangkan di atas, dapat disimpulkan bahawa terdapat beberapa jurang penyelidikan yang perlu dikaji. Antaranya, kekurangan kajian terhadap penekanan kepada peranan GPK Kokurikulum dalam memimpin organisasi sekolah. Ini bermaksud peranan GPK Kokurikulum sebagai *Senior Leader Team* (SLT) kurang dikaji secara mendalam lebih-lebih lagi dalam menerajui kepimpinan program berkaitan kokurikulum sekolah. Ini terbukti apabila kajian-kajian yang lepas banyak meneliti kepimpinan Pengetua Guru Besar (PGB) sahaja dalam mentadbir sekolah masing-masing untuk menjawab pelbagai persoalan kajian yang melibatkan guru, pengurusan sekolah, pencapaian, bentuk kepimpinan dan seumpamanya.

Seterusnya, didapati kurangnya kajian empirikal atau pemerhatian terhadap orang Asli khususnya perihal murid Asli di sekolah kebangsaan (Asli). Di dalam kajian di Malaysia, majoritinya adalah tertumpu kepada murid di arus perdana di sekolah kebangsaan sama ada di kawasan bandar atau luar bandar dan jarang melibatkan





sekolah dalam konteks sekolah Asli. Begitu juga dengan latar belakang budaya, sosioekonomi, pembelajaran dan cabaran sekolah komuniti orang Asli adalah berbeza. Semua perihal ini tidak boleh disamakan secara langsung dengan murid arus perdana di sekolah kebangsaan yang lain. Justeru, kajian yang dijalankan ini dapat memberi satu hasil empirikal yang jelas berkenaan kepimpinan GPK Kokurikulum yang sesuai dalam menerajui program kokurikulum di sekolah komuniti orang Asli lebih-lebih lagi ia dilaksanakan di kawasan populasi khas dan istimewa.

Kajian berkaitan dengan sekolah komuniti orang Asli di Malaysia pernah dilaksanakan oleh penyelidik terdahulu. Namun, kajian yang dijalankan hanya berskala kecil dan tertumpu kepada daerah tertentu sama ada dalam kajian berbentuk kuantitatif atau kualitatif. Dalam kajian yang dijalankan ini ia tertumpu dalam radius kawasan yang besar berskala negeri dan melibatkan banyak sekolah komuniti orang Asli di Pahang. Ini bermaksud bahawa data-data kajian adalah berskala kecil dan ramalan berkaitan keupayaan pengurusan sekolah Asli adalah terhad. Oleh itu, keupayaan kajian ini dilaksanakan dalam kawasan yang besar dapat membantu secara empirikal dan statistik pelbagai pihak untuk bantuan sokongan kemudahan dan perancangan dasar di peringkat negeri lebih-lebih lagi berkaitan pengurusan sekolah Asli ini.

Akhir sekali, kekurangan kajian di sekolah komuniti orang Asli berkaitan tahap kepimpinan serta penglibatan, perbezaan demografi, hubungan dan pengaruh dalam satu reka bentuk kajian kuantitatif. Dalam kajian ini, semua persoalan kajian tersebut akan dijawab dan mampu memberikan gambaran yang lebih meluas dan kukuh dari sudut penyelidikan. Ini adalah kerana tahap kepimpinan GPK Kokurikulum, tahap penglibatan kokurikulum murid Asli, perbezaan penglibatan kokurikulum sekolah Asli





luar bandar dengan pedalaman, hubungan korelasi dan pengaruh akan dijalankan secara terus dalam kajian ini.

1.4 Tujuan Kajian

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenalpasti hubungan kepimpinan transformasional GPK Kokurikulum dengan penglibatan kokurikulum murid Asli dalam aktiviti kokurikulum di sekolah kebangsaan (Asli) di negeri Pahang. Kajian ini adalah berdasarkan persepsi guru-guru penasihat kokurikulum sekolah.

1.5 Objektif kajian



Objektif kajian adalah untuk :-

- a. Mengenal pasti tahap kepimpinan transformasional GPK Kokurikulum di sekolah komuniti orang Asli.
- b. Mengenal pasti tahap penglibatan murid Asli dalam aktiviti kokurikulum di sekolah komuniti orang Asli.
- c. Mengenal pasti perbezaan penglibatan kokurikulum murid Asli berdasarkan sekolah kebangsaan (Asli) luar bandar dan sekolah kebangsaan (Asli) pedalaman.
- d. Mengkaji hubungan kepimpinan transformasional GPK Kokurikulum dengan penglibatan kokurikulum murid di sekolah komuniti orang Asli.



- e. Menentukan pengaruh kepemimpinan transformasional GPK Kokurikulum terhadap penglibatan kokurikulum murid di sekolah komuniti orang Asli.

1.6 Persoalan Kajian

Kajian ini menjawab persoalan-persoalan kajian seperti di bawah :-

- a. Apakah tahap kepemimpinan transformasional GPK Kokurikulum di sekolah komuniti orang Asli ?
- b. Apakah tahap penglibatan murid Asli dalam aktiviti kokurikulum sekolah komuniti orang Asli ?
- c. Adakah terdapat perbezaan penglibatan kokurikulum murid Asli berdasarkan sekolah kebangsaan (Asli) luar bandar dan sekolah kebangsaan (Asli) pedalaman?
- d. Adakah terdapat hubungan antara kepemimpinan transformasional GPK Kokurikulum dengan penglibatan kokurikulum murid di sekolah komuniti orang Asli ?
- e. Adakah terdapat pengaruh kepemimpinan transformasional GPK Kokurikulum terhadap penglibatan murid di sekolah komuniti orang Asli ?



1.7 Hipotesis kajian

Berdasarkan soalan kajian, tiga hipotesis diramal iaitu :

1. Ho1 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan berdasarkan penglibatan kokurikulum murid Asli berdasarkan sekolah kebangsaan (Asli) luar bandar dan sekolah kebangsaan (Asli) pedalaman.
2. Ho2 : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kepimpinan transformasional GPK Kokurikulum dengan penglibatan kokurikulum murid sekolah komuniti orang Asli di Pahang.
3. Ho2 : Tidak terdapat pengaruh yang signifikan antara kepimpinan transformasional GPK Kokurikulum terhadap penglibatan kokurikulum murid sekolah komuniti orang Asli di Pahang.



1.8 Kerangka Teoritik Kajian

Menurut Hamidah (2021), kerangka teorikal kajian ialah penjelasan tentang konsep yang wujud bersifat abstrak yang menerangkan hubungan antara konsep dan fenomena. Manakala Cohen et al., (2018), kerangka teorikal kajian mengenal pasti pemboleh ubah utama yang wujud dalam fenomena kajian. Dimensi kepimpinan yang dibina berdasarkan Teori Kepimpinan Transformasional telah diasaskan oleh James McGregor Burns pada tahun 1978 dan kemudian dikembangkan oleh Bass (1985). Elemen dalam teori ini ialah pengaruh ideal, motivasi berinspirasi, rangsangan intelek dan pertimbangan individu. Manakala, dimensi penglibatan dibina berdasarkan Teori Penglibatan yang diasaskan oleh Alexander Astin (1999). Elemen dalam teori ini ialah



penglibatan tenaga fizikal dan psikologi, penglibatan berlaku berterusan, kebolehdukuran secara kuantitatif dan kualitatif, penglibatan berkait rapat dengan aspek pendidikan dan penyertaan murid adalah berkait rapat dengan keberkesanan polisi dan sistem pendidikan. Keterangan hubungan yang lebih jelas dinyatakan dalam kerangka konseptual kajian di bawah dan dalam Bab 2.


1.9 Kerangka konsep kajian

Kerangka kajian ini disediakan berpandukan contoh kerangka di dalam modul kaedah penyelidikan pengurusan pendidikan yang ditulis Hamidah (2021). Kerangka kajian disediakan untuk mengkaji hubungan antara amalan kepimpinan GPK Kokurikulum dengan penglibatan kokurikulum murid Asli dalam aktiviti kokurikulum di beberapa buah sekolah di komuniti orang Asli.


Rajah 1.1

Kerangka Konseptual Kajian

Pemboleh Ubah Tidak Bersandar



Pemboleh Ubah Bersandar





Berdasarkan **Rajah 1.1**, dua pemboleh ubah dinyatakan dalam kajian ini iaitu Kepimpinan Transformasional GPK Kokurikulum dan Penglibatan Kokurikulum Murid Asli di Sekolah Komuniti Asli. Pemboleh ubah bebas atau tidak bersandar adalah merujuk kepada Kepimpinan Transformasional GPK Kokurikulum manakala Penglibatan Kokurikulum Murid Di Sekolah Komuniti Asli merujuk kepada pemboleh ubah bersandar.

Dalam kepimpinan transformasional GPK Kokurikulum terdapat empat aspek iaitu pengaruh ideal, motivasi berinspirasi, rangsangan intelek dan pertimbangan individu. Manakala, dalam aspek penglibatan murid dalam kokurikulum, terdapat lima aspek yang diketengahkan iaitu penglibatan tenaga fizikal dan psikologi, penglibatan berlaku berterusan, kebolehduguran secara kuantitatif dan kualitatif, penglibatan berkait rapat dengan aspek pendidikan dan penyertaan murid adalah berkait rapat dengan keberkesanan polisi dan sistem pendidikan. Kedua-dua pemboleh ubah ini akan dianalisis secara deskriptif dan inferensi bagi menjawab persoalan kajian yang dikehendaki.

1.10 Kepentingan kajian

Melalui kajian ini akan dapat dimanfaatkan oleh banyak pihak. Antaranya pihak sekolah, Kementerian Pendidikan Malaysia, JPN dan PPD dan dasar negara dalam merangka pendekatan kepimpinan yang lebih inklusif serta sesuai dengan konteks sekolah komuniti orang Asli.





1.10.1 Pihak sekolah

Diharapkan dengan kajian ini, ia juga dapat memberi panduan secara profesional para pentadbir khususnya GPK Kokurikulum tentang perancangan dan pelaksanaan aktiviti kokurikulum lebih berstrategik dan mampu untuk mempengaruhi penglibatan murid-murid Asli dalam kokurikulum serta meningkatkan pencapaian murid-murid dalam pelbagai bidang dan bukan hanya dalam kurikulum atau akademik semata-mata. GPK Kokurikulum perlu berfikiran kreatif, kritis dan berpandangan jauh dalam menentukan aktiviti-aktiviti yang sesuai kepada mereka bagi melengkapkan kemenjadian murid dengan merancang aktiviti yang bersesuaian dan menyeluruh kepada semua murid di sekolah yang mempunyai murid Asli ini. Dalam kata lain, GPK Kokurikulum akan dapat membuat perancangan, kawalan, penyelarasan dan pengurusan kokurikulum yang lebih efektif bermula daripada kepimpinan mereka sendiri seterusnya kepada guru penasihat dan murid-murid.

1.10.2 Kementerian Pendidikan Malaysia

Selain itu, diharapkan juga kajian ini membantu KPM dalam mengenalpasti masalah-masalah berkaitan kokurikulum supaya dapat menambahbaik dan mempertingkatkan kualiti gerak kerja kokurikulum di sekolah-sekolah melalui memperbanyakkan kursus serta latihan kokurikulum untuk pemimpin atasan sekolah dan guru selaku pemimpin bawahan. Amalan kepimpinan kokurikulum yang baik akan mempengaruhi banyak aspek pengurusan termasuklah berkaitan dengan mengurangkan masalah ketidakhadiran murid ke sekolah, peningkatan dalam penglibatan serta pencapaian murid dalam kokurikulum, penambahan ilmu pengetahuan kepada guru penasihat





dalam melaksanakan aktiviti kokurikulum kepada murid-murid. Pelarasan program kokurikulum antara pihak KPM, JPN dan PPD juga perlu diperhalusi agar aktiviti atau program yang dijalankan adalah terkawal dan bermakna kepada warga sekolah termasuk murid-murid Asli agar tidak berlaku keciciran dalam bidang kokurikulum. Selain itu, perihal kemudahan infrastruktur di sekolah perlu disemak dan diberi penekanan agar gerak kerja kokurikulum dapat dilaksanakan dengan lancar dan lebih berkualiti di samping peruntukan kewangan yang lebih baik dapat disalurkan ke pelbagai peringkat bermula daripada JPN, PPD dan sekolah.

1.10.3 JPN dan PPD

Seterusnya, diharapkan juga kajian ini dapat memberi panduan kepada pihak JPN dan PPD dalam memilih GPK Kokurikulum yang selayaknya daripada kalangan guru kerana ia amat mempengaruhi aspek kepimpinan untuk menerajui bidang ini. Walaupun terdapat ketetapan bahawa jawatan guru penolong kanan adalah setara, namun ia haruslah bersesuaian dengan faktor kepimpinan dan penglibatan guru bagi memperoleh kecemerlangan dalam bidang masing-masing terutamanya bagi mereka yang baru dilantik memegang jawatan guru penolong kanan ini. Selaras dengan ini, instrumen pemilihan guru penolong kanan adalah rasional untuk diwujudkan bagi pemilihan kepada bidang yang lebih sesuai disandang di sekolah selain daripada penilaian yang lain sebagai kayu ukur untuk guru penolong kanan ini. Hal ini juga sesuai untuk dipraktikkan bagi pemilihan jawatan di peringkat JPN dan PPD supaya ia seiring dengan proses di sekolah amnya.





1.10.4 Dasar Negara

Seiring dengan kemajuan negara pada abad ini, sistem pendidikan perlu melebarkan gaya pembelajaran dan tidak hanya pengajaran dan pembelajaran secara bersemuka di sekolah sahaja malah turut diperkemas secara maya atau atas talian. Ini bersesuaian dengan Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara yang berkehendakkan masyarakat di Malaysia celik IT. Selain daripada Dasar Pendidikan Kebangsaan yang menfokuskan penguasaan bidang pendidikan secara holistik, dasar lain juga dapat dimafaatkan melalui pembelajaran atas talian ini yang boleh diketengahkan melalui kokurikulum. Dalam konteks kajian ini iaitu penglibatan murid dalam kokurikulum, secara umumnya ia amat membantu murid-murid untuk menyertainya dengan skala yang lebih ramai dan menyeluruh. Aktiviti-aktiviti yang sesuai seperti penganjuran pertandingan, perbincangan, kempen, taklimat dan seumpamanya akan menjadi lebih mudah serta memberi manfaat kepada sebahagian besar murid sekolah. Kemampuan pelaksanaannya adalah terletak kepada pemimpin atasan dan bawahan sekolah masing-masing untuk menjayakannya demi murid-murid sekolah selaku generasi yang akan mencorak masa depan negara pada masa akan datang.

1.11 Batasan kajian

Kajian ini akan dilaksanakan di negeri Pahang iaitu di sekolah kawasan luar bandar dan pedalaman Pahang. Bagi tujuan kajian ini, ia melibatkan sebanyak 25 buah sekolah yang terletak di dalam 10 daerah di Pahang. Sekolah yang akan dipilih adalah terdiri daripada sekolah yang mempunyai enrolmen murid Asli di sekolah kebangsaan (Asli).





Responden dalam kajian ini terdiri daripada guru penasihat kokurikulum di sekolah berkenaan dan tidak termasuk dalam kalangan pentadbir sekolah.

Reka bentuk kajian ini adalah kuantitatif deskriptif dan inferens iaitu soal selidik diberikan kepada responden dalam populasi yang telah ditetapkan. Ujian signifikan akan dilakukan terhadap data yang diperoleh sebelum digeneralisasikan kepada populasi kajian. Dalam kajian ini, dua pemboleh ubah ditetapkan iaitu kepimpinan transformasional GPK Kokurikulum dan penglibatan murid Asli dalam aktiviti kokurikulum.

Kajian yang dilaksanakan hanya tertumpu kepada GPK Kokurikulum dan murid Asli di seluruh negeri Pahang sahaja. Selain itu, hasil daripada kajian melalui soal selidik adalah bergantung kepada kerjasama guru penasihat kokurikulum di sekolah-sekolah. Kejujuran dan keikhlasan mereka untuk menjawab soal selidik ini kemungkinan dipengaruhi oleh emosi dan belas kasihan terhadap pentadbir. Situasi ini akan memberi kesan kepada data yang dikumpul sekali gus tidak menggambarkan perkara sebenar di sekolah mereka. Oleh hal yang demikian, kajian ini tidak sesuai digeneralisasikan kepada semua sekolah di seluruh Malaysia yang mempunyai murid Asli.





1.12 Definisi Operasional

1.12.1 Guru Penolong Kanan Kokurikulum

Menurut Kementerian Pendidikan Malaysia di dalam garis panduan *Malaysia School Governance* (2021), guru penolong kanan kokurikulum merupakan sebahagian daripada jawatan pentadbiran sekolah yang berperanan merancang, mengawal selia, menyelaraskan dan mengurus aspek-aspek kokurikulum. Dalam kokurikulum, skop tadbir urus guru penolong kanan kokurikulum berkaitan dengan pasukan badan beruniform, kelab dan persatuan, sukan dan permainan, program pembangunan sukan sekolah, kejohanan sukan sekolah, kokurikulum tambahan, kejohanan di bawah Majlis Sukan Sekolah Malaysia, pengiktirafan, penyertaan dan penganjuran aktiviti kokurikulum.



1.12.2 Kepimpinan transformasional

Bass (1985) menyatakan perkaitan antara pemimpin dan orang bawahan untuk bersama-sama mencapai visi dan misi organisasi melalui empat elemen iaitu pengaruh ideal, motivasi berinspirasi, rangsangan intelek dan pertimbangan individu.

1.12.3 Pengaruh ideal

Menurut Bass (1998), pengaruh ideal seorang pemimpin transformasional dapat dijelaskan melalui tindakannya yang menunjukkan pengorbanan untuk kepentingan organisasi serta menaruh harapan terhadap visi dan misi yang hendak dicapai. Oleh itu, dalam kajian ini pemimpin yang berkarismatik akan mampu mengoptimumkan penglibatan murid dalam kokurikulum.





1.12.4 Motivasi berinspirasi

Bass (1985), merujuk kepada pemimpin transformasional sesebuah organisasi yang mampu memberi pengaruh dan teladan yang baik kepada orang bawahannya serta ia mampu untuk memotivasikan orang di bawahannya untuk bersama-sama mencapai matlamat organisasi mereka.

1.12.5 Rangsangan intelek

Bass (1985) merujuk kepada kreativiti dan inovasi pemimpin transformasional sesebuah organisasi dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh organisasi melalui idea-idea yang baharu. Selain itu, pemimpin transformasional mampu bertindak balas terhadap masalah yang dihadapinya dengan cara yang berbeza serta ia dapat mempengaruhi orang bawahan supaya bersama-sama mencari jalan penyelesaian masalah dan cabaran dalam organisasi.

1.12.6 Pertimbangan individu

Menurut Bass (1985), pemimpin transformasional yang mempunyai pertimbangan terhadap keperluan serta potensi orang bawahannya demi peningkatan mereka dan organisasi. Selain itu, ia turut menjelaskan tentang sikap keprihatinan pemimpin terhadap orang bawahannya termasuklah memberi penghormatan kepada mereka selaku penggerak kepada visi dan misi organisasi.



1.12.7 Penglibatan kokurikulum

Penglibatan kokurikulum adalah perihal tentang melibatkan diri dalam kegiatan kokurikulum yang dirancang oleh pihak sekolah. Penyertaan murid dalam kokurikulum adalah wajib dan termaktub di dalam Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 1/1986, KP(BS)8591/Jld.11(41) bertarikh 15 Januari 1986.

1.12.8 Penglibatan tenaga fizikal dan psikologi

Menurut Astin (1999), penglibatan murid dalam aktiviti dapat memberi penentuan kepada perkembangan sendiri dan tingkah laku individu. Ini memberi maksud bahawa apabila murid menyertai sesuatu aktiviti, tenaga fizikal dan psikologikal mereka akan terlibat secara tidak langsung melalui pengalaman mereka dan rangsangan terhadap aktiviti yang dilakukan.

1.12.9 Penglibatan berlaku secara berterusan

Penglibatan murid dalam aktiviti akan berlaku sepanjang masa dan berkait rapat dengan pengalaman mereka dalam aktiviti pada masa lalu. Ia juga merujuk kepada kemampuan serta tahap penglibatan murid dalam aktiviti yang disertai sama ada secara optimum atau kurang optimum.



1.12.10 Kebolehukuran secara kuantitatif dan kualitatif

Aspek kuantitatif merujuk kepada peruntukan masa untuk melaksanakan aktiviti, manakala aspek kualitatif merujuk kepada tumpuan dan perhatian terhadap pengalaman aktiviti yang dijalankan oleh murid-murid. Dalam kata lain, ia dapat diukur secara nyata dan secara psikologikal individu yang menyertai aktiviti iaitu melalui kepuasan mereka beraktiviti apabila berkehendakkan masa aktiviti yang lebih lama.

1.12.11 Penglibatan berkait rapat dengan aspek pendidikan

Merujuk kepada penyertaan murid dalam aktiviti dengan kerap menunjukkan bahawa pembelajaran yang dilaksanakan oleh murid menunjukkan aktiviti tersebut bermakna kepada mereka. Kuantiti murid menyertai aktiviti tersebut menunjukkan kualiti aktiviti pendidikan yang dianjurkan seperti yang tertakluk dalam Subperaturan 3(3) dalam Peraturan Pendidikan (Kurikulum Kebangsaan) 1997 yang diterbitkan sebagai P.U.(A) 531/97.

1.12.12 Penyertaan murid adalah berkait rapat dengan keberkesanan polisi dan sistem pendidikan

Merujuk kepada polisi dan sistem pendidikan yang berkehendakkan perkembangan diri murid secara menyeluruh dan penglibatan murid dalam aktiviti perlu dipertingkatkan dari semasa ke semasa. Usaha yang berterusan perlu dilaksanakan oleh pihak sekolah bagi memastikan penglibatan murid sentiasa ditingkatkan dalam sebarang bentuk penganjuran aktiviti.





1.12.13 Orang Asli

Orang asal yang mempunyai suku menduduki negara Malaysia sejak sekian lama serta mengamalkan cara hidup, budaya adat dan bahasa orang Asli. Menurut Akta Orang Asli 1954 (Akta 134) menyatakan bahawa definisi khusus bagi orang Asli ialah bapanya orang Asli, anak angkat orang Asli, ibunya orang Asli dan ia mestilah diputuskan oleh menteri akan status orang Asli atau sebaliknya.

1.12.14 Sekolah dalam komuniti orang Asli

Sekolah yang terletak dalam perkampungan orang Asli dan murid-muridnya adalah berketurunan Asli. Sekolah ini juga dinamakan Sekolah Kebangsaan (Asli) dan termasuk di bawah pengurusan Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA).

1.13 Rumusan

Dalam bab ini telah diterangkan dengan jelas peranan GPK Kokurikulum dan guru penasihat kokurikulum di sekolah. GPK Kokurikulum merupakan perancang, pengawal selia, penyelaras dan pengurus kepada perkara induk dalam kokurikulum, manakala guru penasihat kokurikulum merupakan pasukan pelaksana kepada aktiviti-aktiviti kokurikulum. Oleh hal demikian, ia adalah bertepatan dengan kajian yang akan dilaksanakan iaitu kepimpinan transformasional GPK Kokurikulum dengan penglibatan murid daripada perspektif guru penasihat kokurikulum. Keberkaitan setiap





isi dalam bab ini dapat dirumuskan melalui kerangka kajian yang dinyatakan pada rajah

1.1. Seterusnya hasil daripada bab ini akan dijadikan panduan dalam bab yang berikutnya supaya kajian ini adalah selari dengan objektif dan persoalan kajian yang dinyatakan.

